

04/04/2002

Musa minta batal niat saman NUTP

Mohd Fuad Razali

KUALA LUMPUR, Rabu - Kementerian Pendidikan hari ini meminta guru besar serta Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah yang didakwa mengamalkan dasar pengasingan pelajar mengikut kaum, menarik balik laporan polis mereka ke atas Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP).

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, turut menasihatkan mereka tidak meneruskan cadangan untuk menyaman NUTP berhubung isu pengasingan pelajar mengikut kaum.

Beliau berkata, semua pihak patut mematuhi nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya tidak memanjangkan lagi isu berkenaan memandangkan NUTP sudah memohon maaf.

"Jika masih tidak berpuas hati dengan perkara tertentu berkaitan isu itu, mereka patut berjumpa dan berbincang sendiri dengan NUTP.

"Sebaliknya, jika berpuas hati, mereka patut menerima permohonan maaf itu. Saya rasa mereka patut ikut nasihat Perdana Menteri yang membuat kenyataan jelas mengenainya supaya tidak memanjangkan lagi isu itu," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas mesyuarat mingguan Kementerian Pendidikan, hari ini.

Jumaat lalu, Dr Mahathir berharap pertikaian berhubung isu pengasingan pelajar di sekolah tidak diperbesarkan sehingga mengheret perkara itu ke mahkamah, sebaliknya menasihatkan semua pihak menyelesaikannya secara aman.

Perdana Menteri berkata, semua pihak harus menerima hakikat bahawa manusia kadangkala melakukan kesilapan dan perkara ini wajar diambil kira bagi menangani sesuatu isu berbangkit.

Berikutan itu, pada malamnya, NUTP mengadakan sidang akhbar dan memohon maaf kepada semua pihak berikutan dakwaannya berhubung perkara itu serta mengakui salah faham dengan keadaan yang wujud di sekolah.

Setiausaha Agungnya, Datuk N Siva Subramaniam, berkata keputusan membuat pengakuan itu dicapai sebulat suara pada mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi NUTP selaras dengan nasihat Dr Mahathir supaya isu itu tidak diperbesarkan lagi.

Ketika ditanya adakah Kementerian Pendidikan mahu menasihatkan supaya guru besar dan PIBG menarik balik laporan polis serta cadangan menyaman NUTP, Musa berkata, itulah yang dinasihatkan oleh Perdana Menteri.

Bagaimanapun beliau enggan mengulas apabila ditanya sama ada Kementerian Pendidikan menerima permohonan maaf NUTP dan Siva, sebaliknya berkata:

"Tidak ada komen lagi. Isu itu sudah berakhir."

(END)